

BANGUNAN SEKOLAH 17 TINGKAT

MENTERI, PAKAR SENI BINA BANGKIT ISU KESELAMATAN

DBKL cadang bina
sekolah hingga 17 tingkat



- Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek menerima baik cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun perlu diteliti dari aspek keselamatan dan kesesuaiannya.
- Pensyarah Kanan, Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Dr Muhammad Azwan Sulaiman berkata, aspek keselamatan murid bukan sahaja berkait ketinggian bangunan malah dari segi akses ke sekolah apabila ia terletak di pusat bandar yang sesak dan sibuk.

5

Perlu teliti aspek keselamatan

KPM terima baik cadangan
DBKL bina sekolah 17
tingkat di pusat bandar

NILAI

Kementerian Pendidikan (KPM) menerima baik cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membina sekolah 17 tingkat di sekitar pusat bandar raya namun perlu diteliti dari aspek keselamatan dan kesesuaiannya.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, sekolah bertingkat pernah dilaksanakan di bawah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan iaitu paling tinggi dibina adalah 10 tingkat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sentosa di Kuala Lumpur.

"Kita ada bina sekolah secara bertingkat, paling tinggi 10 tingkat, tiada masalah kerana kita memahami isu berkait rapat peringkat Wilayah, ia bukan perkara baharu dan pernah dilaksanakan.

"Namun perkara itu (sekolah 17 tingkat)

kita akan tengok dari masa ke masa, beberapa tingkat yang sesuai dan selamat untuk anak-anak," katanya selepas hadir ke Majlis Peluncuran dan Karnival Generasi Madani Kementerian Pendidikan 2025 di Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai di sini.

Media pada Selasa melaporkan DBKL bercadang membangunkan sekolah dengan konsep menegak, menempatkan bangunan dua blok dengan kapasiti antara 10 hingga 17 tingkat di sekitar pusat bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dilapor berkata, syor itu bagi memenuhi keperluan tanah terhad serta pertambahan penduduk di ibu negara.

Sementara itu, bagi mengatasi

isu kepadatan murid, Fadhlina berkata, KPM telah menangani dengan beberapa kaedah antaranya pembinaan bangunan kabin yang keberhasilannya terbukti apabila dapat menyelesaikan isu tersebut di sekolah di Cyberjaya.

"Ini kita telah tangani, pagi tadi (Rabu) saya berkunjung ke sekolah di Cyberjaya yang ada model khusus pembinaan bilik darjah kabin...ia beri kesan kondusif untuk suasana pembelajaran," katanya.



Fadhlina (dua dari kanan) ketika Karnival Generasi Madani Kementerian Pendidikan Tahun 2025 di Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Rabu.

Bagaimanapun Fadhlina berkata, komitmen KPM adalah jelas iaitu dengan membina sekolah baharu, menyiapkan pembinaan sekolah sedia ada dan menambah bangunan bagi sekolah yang mempunyai ruang.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPM turut mengambil maklum masalah tandas di sekolah berasrama penuh yang perlu diambil perhatian serius.

Berkaitan waktu pengoperasian sekolah semasa Ramadan, Fadhlina meminta semua pihak berhenti memainkan isu itu

dan mengikuti ketetapan yang disediakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM.

"Saya rasa perkara itu sudah jelas, saya jawab dalam konteks ketika ditanya berkaitan pengoperasian sekolah semasa Ramadan, saya sebut macam biasa ikut SPI.

"Maksudnya apabila dirujuk pada SPI itu adalah perkara ditegaskan seperti dinyatakan pada 2022, sekolah sesi pagi balik seperti biasa, sekolah sesi petang balik jam 5 petang atau 5.30 petang itu maksudnya," katanya. - Bernama

